

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN  
HAJI NASARAH [LENGGONG]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah program serta inisiatif yang telah dirangka bagi membantu mereka yang telah kehilangan pekerjaan dan mata pencarian berikutan pandemik yang melanda negara ketika ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi menangani isu kehilangan pekerjaan dan memastikan pekerja kekal dalam pekerjaan sedia ada, pelbagai program bantuan dan pakej rangsangan ekonomi telah diperkenalkan oleh Kerajaan.

Inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi bagi menangani kehilangan pekerjaan yang melibatkan agensi-agensi di bawah KSM meliputi bantuan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) iaitu **Elaun Mencari Pekerjaan** (EMP) yang menyediakan elaun kepada pencari kerja bagi tempoh 3 - 6 bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman. Jumlah elaun yang dibayar adalah berdasarkan Gaji Bulanan Anggaran.

Kerajaan juga telah memperluaskan Elaun Mencari Pekerjaan kepada bukan pencarum PERKESO terutamanya graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Elaun sekurang-kurang RM300 akan diterima apabila mereka mendaftar di bawah platform *MyFutureJobs*.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memperluaskan skop insentif pengambilan pekerja untuk meliputi pekerjaan sementara dan pekerjaan *gig* oleh PERKESO iaitu:

- (i) menyediakan peruntukan RM300 juta yang memanfaatkan 60,000 pekerja, di mana setiap pekerja akan menerima RM600 sebulan selama tempoh maksimum enam (6) bulan; dan
- (ii) bagi majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek ataupun platform penyedia perkhidmatan *gig* yang berdaftar dengan PERKESO, mereka akan menerima RM200 bagi setiap pekerja yang ditempatkan.

Selain itu, sejumlah RM125 juta diperuntukkan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad untuk melaksanakan inisiatif *Place and Train* di bawah Program Janapreneur terutama kepada belia

## SOALAN NO: 21

lepasan sekolah dan graduan. Inisiatif ini akan membuka peluang kepada 30 ribu orang untuk mengikuti program latihan dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

Kerajaan juga melanjutkan program **PenjanaKerja 3.0** dengan beberapa penambahbaikan antaranya:

- a) mengurangkan had kelayakan gaji daripada RM1,500 kepada RM1,200 untuk program *Malaysianisation* sebagai dorongan kepada majikan untuk mengambil pekerja tempatan bagi menggantikan pekerja asing; dan
- b) tempoh kontrak penggajian juga dilonggarkan daripada 12 bulan kepada enam (6) bulan bagi kategori pekerja berusia 50 tahun ke atas, golongan OKU dan bekas banduan.

Permohonan bagi program PenjanaKerjaya 3.0 dibuka mulai 15 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021 dan dijangka akan menjana sebanyak 180,000 penempatan pekerjaan sehingga akhir tahun ini.

Kerajaan juga serius dalam menangani isu pengekalan pekerjaan. Oleh itu, Kerajaan turut melaksanakan **Program Subsidi Upah (PSU)** mulai 1 April 2020 yang merupakan bantuan kewangan kepada majikan dari pelbagai sektor yang terkesan dari segi ekonomi akibat pandemik COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat yang secara langsung akan mengekalkan pekerja mereka dalam tempoh yang kritikal ini dan mengelakkan berlakunya pemberhentian pekerja secara besar-besaran.

Jumlah keseluruhan bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada majikan di bawah PSU 1.0, 2.0, 3.0 dan 4.0 adalah sebanyak RM16.69 bilion. Pelaksanaan program ini telah memberi impak positif yang besar dan mengelakkan berlakunya pemberhentian pekerja secara besar-besaran seterusnya dapat mengimbangi peningkatan kadar pengangguran yang tinggi.